Yang Dinamakan Kesatuan Bangsa di Indonesia

Salah Satu Contoh Kedudukan Orang-orang Islam di Daerah Indonesia!

Di bawah ini ialah salah sebuah rencana yang di tulis oleh Tuan Hamka di dalam mingguan "Abadi" Meriwayatkan bagaimana kekuasaan dari jiwa menindas kedudukan umat Islam di sana. Orang-orang kalau Qalam menyiarkan, ada yang menuduh mengada-adakan barang yang tiada tetapi hal yang berlaku ini di Indonesia di tulis oleh orang Islam di Indonesia sendiri- P.Q

(oleh: Hamka)

Kerap kali pemimpin-pemimpin mengatakan, hendaklah menghadapi segala sesuatu dengan jiwa besar. Tetapi batas di antara jiwa besar dan jiwa kecil itu di dalam menghadapi soal kadang-kadang amatlah samarnya.

Negara kesatuan telah terbentun dan "Penca sila" menjadi dasar dari negara kita. Tetapi kadang-kadang pihak yang berkuasa di pusat memandang Indonesia yang begitu luas hanyalah dengan ukuran sesempit mejanya dan menyangka pandanganya itulah yang benar, dan orang lain, yang mempunyai pandangan lain adalah salah. Ke daerah-daerah kecil; kadang Menteri Kabupaten harus di tunggu datangnya dari Jawa juga.
Maka pegawai-pegawai yang datang dari jiwa itu menyangka bahawa kedudukannya adalah sama dengan **"B.B.Imtinar"** (Pegawai Pentadbiran- P) zaman Belanda yang datang dengan serba kemegahannya ke daerah yang jauh, dan orang di tempat itu harus menerimanya sebagai tuan besar!

Kejadian di Sambas!
Sambas adalah sebuah kerajaan Melayu di Puntianak Kalimantan Barat. Dahulu diperintah oleh seorang Raja bergelar Sultan. Sebagaimana Raja-raja dan Sultan dan penambahan yang lain di Puntianak maka dalam zaman kekuasaan Jepun, Sultan Sambas termasuk orang-orang yang dibersihkan, diangkut di bunuh mati. Seluruh keluarga Sultan habis disapu bersih, termasuk juga bersama Sultan Sambas Sultan Muhammad al-Qaltan di Puntianak.

Riwayat Sultan-sultan dan Raja di Kalimantan Barat, demikian juga pemimpin-pemimpin rakyat di sana dalam zaman Jepun, samalah sedihnya dengan riwayat 40,000 korban Westerling di Sulawesi.

Setelah terbentuk negara kesatuan, supaya Sebuapraja Sambas berjalan juga dengan baik, didudukkanlah di sana seorang widana dari Jawa.

Di sana orang Melayu dan agama Islamnya kuat. Mereka mengharap bahawa dengan terbentuknya negara kesatuan, agama mereka akan terjaga baik dan widana dari Jawa itu akan memelihara kepercayaan dan keagamaan mereka, walaupun tidak akan turut beragama. Tetapi kian hari kian hilanglah harapan mereka. Terutama setelah kejadian widana itu mengahwinkan seorang polis dari Jawa yang beragama Kristian dengan seorang gadis anak Sambas.

Bagi kita yang telah "berjiwa besar", soal seperti ini bukanlah soal yang besar. Kalau ada seorang gadis

dijadikan gundik oleh seorang Tionghua, dan kalau ada seorang gadis Islam dilarikan kahwin oleh seorang pemuda Katholik, dan kalau ada orang yang bergaul sahaja sampai beranak tidak kahwin dan kalau ada "bajak dahulu daripada sapi", ertinya sudah ada dahulu dalam kandungan baharu kahwin bukanlah soal lagi. Apatahlagi kalau sebangsa, sama-sama memegang falsafah "Penca sila" sebab kita mesti sabar, mesti berluas faham, bahkan tidak apa juga melepaskan pendirian agama yang telah dipusakai daripada nenek moyang. Tetapi bagi penduduk Sambas, yang baharu kelmarin sahaja, sejak Rajanya di bunuh Jepun, dan sampai sekarang masih ada mufti Islamnya, yang memiliki gelaran "Maharaja Imam", beratlah sangat soal ini. Seberat bumi dengan langit. Anak perempuannya, yang dididik diasuh sejak kecil dalam Islam, diajar mengaji dan membaca al-Quran, sekarang direbut dari tangannya, dan dilangsungkan nikahnya dengan seorang polis beragama Kristian dari Jawa, dan kebetulan di pinggang polis itu tergantung pistol, dan diperkuatkan oleh widana sendiri, yang kedudukannya sebagai pelancar pusaka kerajaan mereka, hal ini adalah berat. Pada zaman dahulu hal yang seperti ini adalah nyawa pembayarnya. Ini adalah "Arang tercoreng di kening, malu tercoreng di muka".

Pemuda-pemuda di sana membangkang, tetapi bangkangan mereka didiamkan orang sahaja. Sebab bagi pihak yang berkuasa hal ini adalah "perkara kecil" sahaja.

Tempat mengadu tidak akan ada, widananya dari Jawa, dan kalau mereka sampaikan hal ini kepada Gabenor, ia pun orang Jawa pula, dan kalau dikirim mereka ke pusat, hal ini termasuk laporan bertampuk yang "sedang diselidiki".

Tetapi bagi orang Sambas, setelah hal ini mulanya panas, lama-lama tentunya menjadi sejuk. Sejuk bukan ertinya habis, melainkan menjadi keinsafan bagi mereka, bahawa kedudukan mereka tidak berubah, mereka belumlah merdeka. Mereka sekarang diperintah oleh orang-orang dari Jawa, yang kebudayaannya lain. Dan lagi yang telah akan luas fahamnya, diubatnyalah hatinya dengan ucapan: "Sekarang negara Penca sila" Agama agama bukan soal lagi"! dan " Sekarang negara kesatuan, ertinya kita wajib bersatu taat kepada orang Jawa."

Kejadian di Suluk, Minangkabau!

Negeri Suluk yang telah memberontak pada tahun 1885 kepada Belanda, kerana serdadu-dadu Belanda pada waktu itu berbuat kurang ajar di kampung-kampung dan menghina ulama dan penghulu, baharu-baharu ini, iaitu dalam zaman "Dewan Banting" juga ribut pula, kerana ada anjuran halus daripada beberapa pegawai yang datang dari Jawa juga, supaya merayakan "Hari Krismas".

Dengan alasan kerana hari Krismas itu telah menjadi Hari Raya Nasional!

Nescaya perayaan hari Krismas itu mendapat tentangan daripada penduduk, yang 100% beragama Islam.

Apakah mereka ini fanatik?

Kita tanya lagi, apakah di Baliga (daerah Kristian) di Kelongkong (daerah Bali) diharuskan pula penduduknya yang 100% Kristian dan Hindu merayakan hari Maulud Nabi dan Mikraj?

Hal yang semacam ini ialah hal "kecil-kecil", tetapi bila sehari telah selembar benang, tidak lama kemudian nescaya menjadi sehelai kain.

Bung Karno tidaklah sempit fahamnya menonjolkan Jawa.

Bung Hatta ketika disambut rakyat di Minangkabau secara adat, telah memberikan pidato yang bernas, bahawasanya tanah air kita sekarang telah luas, bukan lagi bersempadan dari teratak Air Hitam sampai Si Kilang Air Bangis, tetapi semenjak dari Sabang ke Merauke.

Khabarnya konon, ketika seorang pemuda datang

Ahli jawatankuasa persatuan pelajar Madarsah Al-Sa'adiyah Temoh, Perak. Bergambar ramai setelah berlangsung mesyuarat agung yang ketiga baharu-baharu ini. Kepada sekalian anggota Ikhwan diucapkan selamat bersatu padu dan mengatur barisan – kiriman Muhaimin Badar al-Din.

* * *

bertanya kepada Bung Natsir, bagaimanakah sikapnya jika tanah air kita ini terpaksa pecah? Apakah dia akan kembali ke Sumatera? Dia menjawab: Saya akan kembali ke Jogja kerana di sana ada seorang kawan saya yang sama rasa ke Indonesiaannya dengan saya, iaitu Sultan Hamengku Buwono.

Ke Indonesiaannya. Begitulah perasaan orang besar-besar! Tetapi yang mengendalikan negara setiap hari bukanlah mereka, yang memecahkan bukanlah Sukarno, bukanlah Hatta bukanlah Natsir, bukanlah Hamengku Buwono. Tetapi orang tengah kerana kejahilan. Kerana kesempitan fahamnya sesempit mejanya.

Ada juga rupanya yang patut kita contoh teladan dari Belanda. Belanda jika mengirim seorang Pegawai Tinggi Kesatuan Daerah yang jauh dari Bogor, diajar lebih dahulu etnologi (ilmu bangsa) daerah yang akan diperintahnya itu. Di negeri Belanda sengaja diadakan pelajaran "Indologi" mempelajari dengan dalam jiwa bangsa Indonesia, adat istiadat, pandangan hidupnya dan pengaruh agamanya.

Memerintah Indonesia bukanlah dengan jiwa Belanda dan bukan pula dengan jiwa Jawa. Setiap daerah mempunyai keutamaannya sendiri. Pada suku bangsa di Indonesia ada keistimewaannya sendiri-sendiri: Kerajinan orang Jawa, keberanian orang Acheh, ketangkasan orang Bugis berlayar, kegesitan orang Palembang dan Banjar berniaga, gurindam orang Barus, tangkisan orang Melayu, lemah lembut orang Sunda, mengadu untung orang Madura, terus terangnya orang Batak dan lain-lain seterusnya. Semuanya ini bahan kekuatan kita, kalau kita pandai memelihara.

Tetapi kalau tidak, maka sesallah yang akan tumbuh, pada hari yang tidak berguna sesalan lagi.***